

Nasional

Usah kekal kadar RM1,500 bawah dasar gaji progresif

Pengekalan upah minimum dianggap eksploitasi, hina pekerja

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan digesa memastikan gaji minimum RM1,500 tidak dikekalkan pada tahap sama apabila dasar gaji progresif mula diperkenalkan tahun depan.

Malah, kesatuan buruh menyifatkan langkah mengekalkan gaji minimum RM1,500 minimum akan dilihat sebagai 'kemenangan' kepada komuniti perniagaan besar yang berjaya memujuk kerajaan untuk menukarkan sistem mengeksploitasi pekerja.

Persatuan Khidmat Nasihat Pencarum Perlindungan Sosial Malaysia (SPCAAM) dalam satu kenyataan semalam menyifatkan, pengumuman bahawa gaji minimum RM1,500 akan dikekalkan pada tahap sama di bawah dasar gaji progresif sebagai cacat di banyak peringkat.

Penasihat Buruh, Antarabangsa SPCAAM, Callistus An-

Dasar Gaji Progresif dijangka April, Mei

Peruntukan kewangan akan dimasukkan dalam Belanjawan 2024

Dasar Gaji Progresif akan diperkenalkan pada tahun 2024. Kerajaan akan memperkenalkan dasar gaji progresif yang akan menggantikan sistem gaji minimum yang sedia ada.



Keratan akhbar BH, Jumaat lalu.

tony D'angelus, berkata pengumuman oleh Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar, berhubung pengekalan gaji minimum itu disifatkan seolah-olah bantuan sedang dilakukan untuk pekerja negara ini dengan tidak menurunkan gaji minimum.

"Kenyataan bahawa mengekalkan kadar minimum di bawah dasar gaji progresif yang belum diketahui butiran model atau sistem itu dengan sendirinya menghina pekerja.

"Bolehkah Menteri keluar (kenyataan) dan nyatakan apakah perbezaan antara gaji minimum dan tahap pendapatan layak di negara ini hari ini.

"Gaji minimum perlu ditetapkan pada tahap pendapatan yang sewajarnya. Sebarang jenis bonus atau gaji produktiviti hendaklah sebagai tambahan kepada gaji minimum. Hak memperoleh pendapatan lumayan adalah hak asasi manusia, yang dinafikan kepada pekerja di negara ini," katanya.

Kelmarin, Sivakumar berkata, gaji minimum RM1,500 masih dikekalkan di bawah kerangka dasar sistem gaji progresif yang bakal diperkenalkan kerajaan.

Beliau berkata, sistem gaji progresif, yang dilihat paling relevan untuk diamalkan di Malaysia, perlu seiring dengan gaji minimum dan meningkatkan produktiviti pekerja sekali gus memberi keuntungan kepada majikan.

Khamis lalu, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, dasar sistem gaji progresif diluluskan di peringkat Kabinet dan butirannya akan dibentangkan dalam Belanjawan 2024 pada Oktober ini dengan jangkaan pelaksanaan pada April atau Mei tahun depan.

Sivakumar juga berkata Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi memperinci garis panduan dasar itu turut menetapkan pelaksanaan sistem gaji progresif tidak diwajibkan ke atas semua majikan swasta.

Gaji tidak seimbang

Mengulas lanjut, D'angelus berkata, pada 2018, Bank Negara Malaysia (BNM) telah menyatakan bahawa pendapatan layak seorang dewasa bujang untuk mengambil bahagian secara bermakna dalam masyarakat ialah RM2,700 sebulan.

"Hakikat bahawa BNM tidak

mengemas kini dan menyemak semula kajian mereka sejak 2018 menunjukkan institusi kerajaan menjadi pihak kepada penindasan yang diinstitusikan terhadap pekerja di negara ini," katanya.

Malah, beliau berkata, kerajaan sudah berkali-kali menyatakan bahawa ia mengiktiraf kesan krisis kos sara hidup ke atas golongan B40 dan M40.

Beliau juga menjelaskan bahawa kekurangan hak tawar-menawar secara kolektif dalam kalangan pekerja, adalah penyumbang kepada isu gaji tidak seimbang bagi komuniti B40 di negara ini.

Katanya, ketika ini dianggarkan hanya enam peratus pekerja menyertai kesatuan pekerja dan jumlah itu termasuk pekerja kesatuan sekerja dalam sektor awam, yang tidak mempunyai hak perundingan kolektif.

"Tindakan pertama yang perlu berlaku ialah menghapuskan pelbagai bentuk aktiviti anti-kesatuan yang dibiarkan terlalu lama.

"Pekerja-pekerja di negara ini tidak boleh diminta untuk terus sabar dengan sistem yang mengeksploitasi mereka terlalu lama.

"Nampaknya, kepimpinan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) pada hari ini sedang mengambil strategi berdiam diri secara elegan sehingga tindakan mereka itu merugi-

Gaji minimum perlu ditetapkan pada tahap pendapatan yang sewajarnya. Sebarang jenis bonus atau gaji produktiviti hendaklah sebagai tambahan kepada gaji minimum. Hak memperoleh pendapatan lumayan adalah hak asasi manusia, yang dinafikan kepada pekerja di negara ini

Callistus Antony D'angelus, Penasihat Buruh Antarabangsa SPCAAM



kan pekerja," katanya.

D'Angelus juga menekankan, kerajaan sepatutnya berusaha memperkenalkan siling gaji bagi mengelak penyalahgunaan pampasan kepada eksekutif kanan syarikat dalam jumlah bentuk bonus yang besar.

"Kerajaan harus mempertimbangkan untuk mewujudkan nisbah antara pekerja bergaji paling rendah dan bergaji tertinggi dalam sesebuah organisasi," katanya.

Katanya, ia bagi memastikan jurang kekayaan dan pendapatan yang merupakan antara faktor utama menyumbang krisis kos sara hidup yang teruk di negara ini.

Gubal segera akta letak tangga gaji dalam iklan kerja

Kuala Lumpur: Pelbagai pihak bersetuju agar kerajaan segera menggubal Akta Iklan Gaji yang mewajibkan majikan meletakkan tangga gaji dalam iklan pekerjaan yang ditawarkan.

Kakitangan swasta, Nurul Faizah Abdullah, 38, berkata ketika ini ada majikan mengiklankan dalam bentuk tangga gaji yang umum seperti antara RM2,300 sehingga RM3,000 sebulan.

Katanya, ada juga sesetengah iklan pekerjaan yang langsung tidak meletakkan tawaran tangga gaji dan ini sudah pasti menyukarkan pencari kerja.

"Cadangan mewajibkan semua majikan meletakkan tangga gaji pada iklan jawatan kosong adalah sangat bagus.

"Justeru, pencari kerja akan tahu berapa majikan tawarkan dan jika mereka terdesak mendapatkan pekerjaan dan kebetulan berhampiran dengan rumah, sudah pasti mereka setuju untuk ditemu duga.

Wajibkan iklan kerja pamer gaji

Kekurangan maklumat punca graduan terima bayaran rendah kerja ditawarkan

Maka Majlis Kerja-Keluarga Nasional akan memperkenalkan Akta Iklan Gaji yang mewajibkan majikan meletakkan tangga gaji dalam iklan pekerjaan yang ditawarkan.

Maka Majlis Kerja-Keluarga Nasional akan memperkenalkan Akta Iklan Gaji yang mewajibkan majikan meletakkan tangga gaji dalam iklan pekerjaan yang ditawarkan.

Maka Majlis Kerja-Keluarga Nasional akan memperkenalkan Akta Iklan Gaji yang mewajibkan majikan meletakkan tangga gaji dalam iklan pekerjaan yang ditawarkan.

Maka Majlis Kerja-Keluarga Nasional akan memperkenalkan Akta Iklan Gaji yang mewajibkan majikan meletakkan tangga gaji dalam iklan pekerjaan yang ditawarkan.

Maka Majlis Kerja-Keluarga Nasional akan memperkenalkan Akta Iklan Gaji yang mewajibkan majikan meletakkan tangga gaji dalam iklan pekerjaan yang ditawarkan.

Maka Majlis Kerja-Keluarga Nasional akan memperkenalkan Akta Iklan Gaji yang mewajibkan majikan meletakkan tangga gaji dalam iklan pekerjaan yang ditawarkan.

Maka Majlis Kerja-Keluarga Nasional akan memperkenalkan Akta Iklan Gaji yang mewajibkan majikan meletakkan tangga gaji dalam iklan pekerjaan yang ditawarkan.



Keratan akhbar BH, semalam.

"Malangnya, apabila sudah ditemu duga baru mereka tahu gaji ditawarkan hanya lingkungan RM1,500 sehingga RM1,700 sahaja dan sangat tidak sesuai dengan kelayakan," katanya ditemui BH, di sini, semalam.

Pencari kerja, Fitri Haikal Rusetam, 21, berkata sebagai seorang yang tiada pengalaman mengenai pekerjaan, dia berharap akta itu membantu pencari kerja mendapatkan pekerjaan.

Katanya, jika ada majikan tidak meletakkan jumlah gaji yang ditawarkan, beliau biasa-

nya akan mengelak daripada memohon jawatan berkenaan.

"Ini kerana saya bimbang jumlah gaji yang ditawarkan tidak berbaloi dan tidak menepati kehendak saya," katanya.

Tak letak jumlah gaji

Sementara itu, tinjauan di beberapa laman mencari pekerjaan mendapati, masih ada majikan tidak meletakkan jumlah gaji bagi jawatan yang ditawarkan.

Namun, ada majikan dilihat

meletakkan jumlah gaji serta turut memaparkan maklumat mengenai pekerjaan yang ditawarkan, termasuk seperti faedah dan elaun, perlindungan perubatan serta peluang kerjaya.

Kelmarin, Ahli Parlimen Muar, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman mencadangkan agar kerajaan menggubal Akta Iklan Gaji supaya majikan di negara ini diwajibkan mengiklankan tangga gaji bagi pekerjaan yang ditawarkan.

Dalam isu ini MTUC berpendapat, mana-mana sektor industri yang ada kesatuan sekerja maka isu ini tidak timbul kerana ada kesatuan yang memperjuangkan kebajikan ahli atau pekerja

Mohd Effendy Abdul Ghani, Presiden MTUC



Beliau berkata, ketika ini majikan tidak diwajibkan berbuat demikian seperti di negara maju lain, sekali gus menyebabkan pekerja termasuk graduan meletakkan tangga gaji yang lebih rendah kerana kekurangan maklumat mengenai pekerjaan yang ditawarkan.

Sementara itu, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menyambut baik saranan supaya kerajaan menggubal Akta Iklan Gaji supaya majikan lebih telus dengan gaji yang ditawarkan.

Presidennya, Mohd Effendy Abdul Ghani, berkata bagi MTUC perkara paling penting adalah pelaksanaan kepada gaji yang ditawarkan serta penguatkuasaan yang berkala.

"Dalam isu ini MTUC berpendapat, mana-mana sektor industri yang ada kesatuan sekerja maka isu ini tidak timbul kerana ada kesatuan yang memperjuangkan kebajikan ahli atau pekerja," katanya.